



Ruj Tuan :
Ruj Kami : JBPM/IP/BKK:700-5/3 (38)
Tarikh : 30 Disember 2022

SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

PEMAKLUMAN BERKAITAN KELULUSAN SOKONGAN JAWATANKUASA RUANG PEJABAT (JRP) BAGI TASKA/TADIKA DI RUMAH PERSENDIRIAN

Merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak YS Dato'/Tuan, jabatan telah banyak menerima permohonan sokongan pelesenan jawatankuasa ruang pejabat (JRP) daripada pengusaha tadika dan taska yang dibuat di rumah persendirian mereka sendiri atau menyewa mana-mana lot rumah sebagaimana yang dibenarkan iaitu di lot tepi atau *corner lot* bagi rumah teres dan di kediaman jenis sesebuah atau berkembar.

3. Sebagaimana pihak YS Dato'/Tuan sedia maklum, jabatan telah mengeluarkan surat pemakluman ruj. JBPM/IP/BKK: 700-5/3 (34) bertarikh 21 september 2021 berkaitan permohonan penyewaan ruang pejabat kerajaan di premis bukan milik kerajaan persekutuan/permohonan pengisian ruang pejabat di bangunan gunasama kerajaan persekutuan. Pemilik atau penyewa premis perlulah mematuhi perkara berikut:

- 3.1 Bangunan yang akan disewa hendaklah telah mempunyai Sijil Layak Menduduki/*Certification of Completion and Compliance (CCC)*.
- 3.2 Bangunan Premis Ditetapkan hendaklah mempunyai Perakuan Bomba/*Fire Certificate (FC)*.

4. JBPM telah mengkaji semula keperluan mengemukakan CF atau CCC bagi mana-mana bangunan atau seperti yang dijadikan tadika atau taska. Ini kerana kelulusan mana-mana bangunan yang dibina terutama diluar bandar tidak dapat mematuhi keperluan ini. Bagi permohonan kelulusan sokongan JRP tadika dan taska, pihak jabatan bersetuju untuk memberi pengecualian pematuhan keperluan seperti perkara 3.1 diatas. Namun begitu, pihak pengusaha tadika dan taska perlu membuktikan bahawa rumah persendirian yang menjadi tadika dan taska telah mempunyai kelulusan pelan atau kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

.../2

"CEPAT DAN MESRA"



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERTIFIED TO ISO 37001:2016

-2-

5. Kerjasama daripada pihak YS Dato'/tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' Ts. AHMAZ IZRAM BIN OSMAN)
Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
AIO/pelesenan

- 1) YAS Ketua Pengarah
- 2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 3) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Kuala Lumpur
2. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor
3. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor
4. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang
5. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah
6. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak
7. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang
8. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah
9. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak
10. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan
11. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu
12. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Negeri Sembilan
13. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka
14. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri W.P Putrajaya
15. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri W.P Labuan
16. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis